



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



KEJOHANAN PIALA MENTERI PENDIDIKAN
1MURID 1SUKAN
2017

PERATURAN AM

BAHAGIAN SUKAN, KPM

PERATURAN AM
KEJOHANAN PIALA MENTERI PENDIDIKAN 1MURID 1SUKAN
TAHUN 2017

1. NAMA PERTANDINGAN

Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan tahun 2017

2. PENGANJUR

Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia

3. PENGELOLA

Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menyerahkan kuasa pengelolaan kejohanan ini kepada mana-mana Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang akan ditentukan dari masa ke semasa.

4. PERATURAN UMUM

Kejohanan akan dijalankan mengikut Peraturan Undang-Undang Antarabangsa bagi jenis sukan berkenaan dan Peraturan Am Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan serta Peraturan AM Majlis Sukan Sekolah Malaysia yang sedang berkuatkuasa sekarang.

5. PERATURAN TAMBAHAN

Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Pengelola adalah berhak meminda / mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan peringkat Kebangsaan.

6. JENIS SUKAN

Jenis sukan yang dipertandingkan adalah seperti berikut;

- 6.1 Futsal (Lelaki)
- 6.2 Bola Jaring 3 on 3 (Perempuan)
- 6.3 Bola Keranjang 3 on 3 (Lelaki dan Perempuan)

7. KELAYAKAN

- 7.1. Penyertaan peserta berasaskan sekolah (School Based).
- 7.2. Murid warganegara Malaysia yang bersekolah sepenuh masa di sekolah kerajaan.
- 7.3. Penyertaan dibenarkan hanya satu pasukan sahaja bagi setiap jenis sukan yang dipertandingkan.
- 7.4. Peserta adalah terdiri daripada murid yang **tidak pernah mewakili sekolah dalam sebarang pertandingan di peringkat Daerah, Negeri atau Negara. (Termasuk Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1Murid 1Sukan 2012, 2013, 2014 & 2016)**
- 7.5. Murid yang berada di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) atau Sekolah Sukan Negeri (SSN) tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini.
- 7.6. Murid yang didaftarkan di bawah program Pusat Latihan Daerah (PLD/SPTS) juga tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini.

8. HAD UMUR PESERTA

- 8.1. Penyertaan peserta bagi Kejohanan ini boleh terdiri daripada murid Kelas Peralihan, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 sahaja.
- 8.2. Seorang peserta hanya dibenarkan menyertai satu jenis sukan sahaja dalam kejohanan ini.

9. PENDAFTARAN

- 9.1. Setiap JPN **WAJIB** menyertai kejohanan.
- 9.2. Pendaftaran peserta hendaklah menggunakan borang pendaftaran M01 dan M02 beserta salinan kad pengenalan yang telah disahkan oleh Pengetua / Penolong Kanan / Unit Sukan.
- 9.3. Peserta hendaklah menunjukkan kad pengenalan sewaktu kejohanan jika diminta oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 9.4. Sekolah yang menjadi **JOHAN** di peringkat negeri akan bertanding ke peringkat kebangsaan.

- 9.5. Setiap JPN wajib menghantar 3 pasukan sahaja;
- 9.5.1 Futsal Lelaki
- 9.5.2 Bola Keranjang 3 on 3 (Lelaki dan Perempuan)
- 9.5.3 Bola Jaring 3 on 3 (Perempuan)
- 9.6. Setiap JPN hanya dibenarkan menghantar bilangan pegawai pasukan dan peserta sebagaimana yang telah ditetapkan seperti berikut:

SUKAN	JURULATIH		ATLET	
	L	P	L	P
Futsal	1	-	6	-
Bola Jaring 3 on 3	-	1	-	4
Bola Keranjang 3 on 3	1	1	4	4
JUMLAH	2	2	10	8
PEGAWAI & ATLET	4		18	
JUMLAH BESAR	22			

- 9.7. JPN yang mempunyai peserta perempuan hendaklah diiringi oleh seorang atau lebih pegawai wanita.
- 9.8. Pengesahan Penyertaan JPN beserta bilangan pegawai dan pemain dalam borang yang dihantar oleh pengelola hendaklah dibuat satu (1) bulan sebelum kejohanan.
- 9.9. Pendaftaran nama pemain dalam borang pendaftaran hendaklah disampaikan kepada pihak Jawatankuasa Pengelola seperti berikut :
- 9.9.1. Senarai nama pasukan hendaklah dihantar sekurang-kurangnya 10 hari sebelum tarikh kejohanan.
- 9.10. Semua borang pendaftaran tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengetua Sekolah berkenaan dengan cop rasmi sekolah dan disahkan oleh Unit Sukan JPN.

- 9.11. Setiap sekolah yang mewakili JPN **tidak dibenarkan** mengambil murid sekolah lain yang tidak didaftarkan di sekolah berkenaan.

10. SISTEM PERTANDINGAN

- 10.1 Sistem pertandingan adalah mengikut peraturan pertandingan sukan masing-masing.
- 10.2 Pungutan mata bagi tempat pertama hingga tempat keenam belas adalah seperti berikut;

KED	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
MATA	50	35	25	20	16	14	12	10	8	7	6	5	4	3	2	1

11. PENENTUAN JOHAN KESELURUHAN

- 11.1 JPN yang mengumpul jumlah mata tertinggi daripada semua sukan yang dipertandingkan akan diistiharkan sebagai Johan Keseluruhan.
- 11.2 Jika berlaku seri, johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan kedudukan terbaik JPN dalam setiap sukan

12. PENGADIL / HAKIM

- 12.1. Jawatankuasa Pengelola akan melantik dan menyediakan pengadil / hakim bertugas untuk kejohanan ini.

13. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 13.1. JPN yang telah mengesahkan persetujuan mengambil bahagian dalam kejohanan ini tidak dibenarkan menarik diri. Surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada JPN tersebut sekiranya melanggar peraturan ini.
- 13.2. Sekiranya ada JPN menarik diri atau menyerah kalah dengan sengaja daripada pertandingan, semua keputusan pertandingan yang dimainkan oleh JPN itu akan dibatalkan. JPN tersebut tidak dibenarkan menyertai perlawanan seterusnya dan tindakan tatatertib akan diambil ke atas JPN yang berkenaan.

14. BANTAHAN

- 14.1. Segala bantahan hendaklah dibuat secara bertulis.
- 14.2. Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta hendaklah diselesaikan sebelum pertandingan atau semasa mesyuarat pengurus pasukan.
- 14.3. Jika tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula maka JPN tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut hendaklah diselesaikan 1 jam selepas menerima bantahan rasmi.
- 14.4. Bantahan berhubung dengan permainan dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada;
 - 14.4.1. Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara pusingan awal
 - 14.4.2. Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara peringkat akhir.
- 14.5. Semua bantahan dibuat secara bertulis dan hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan RM200.00 (Ringgit : Dua Ratus sahaja). Wang pertaruhan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tidak berasas.
- 14.6. Walaubagaimanapun tempoh penyerahan dan penyelesaian tertakluk kepada peraturan dan undang-undang sukan berkenaan.
- 14.7. Keputusan Juri Rayuan akan dibuat secara bertulis serta dimaklumkan kepada yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.

15. JURI RAYUAN

Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Juri Rayuan mengikut keperluan sukan masing-masing;

Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Pengelola / wakil
Setiausaha : Setiausaha Jawatankuasa Pengelola / wakil

Ahli : Penyelaras Sukan BSKPM / Wakilnya
Penyelaras Sukan JPN pengelola / wakil
Pengerusi Jawatankuasa Teknik / Pertandingan permainan /
3 orang pengurus pasukan/ wakil yang tidak terlibat yang
dipilih oleh pengelola.

16. PINDAAN DAN HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 16.1 Semua peraturan yang dinyatakan di atas mesti dipatuhi. Jika ada dinyatakan perkara-perkara lain dalam undang-undang permainan tersebut hendaklah juga dipatuhi.
- 16.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Permainan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola kejohanan yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamad.